

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

8. Kes penderaan kanak-kanak oleh pengasuh sering berlaku. Ada juga kes penderaan kanak-kanak telah dibawa ke mahkamah.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pihak tertentu apabila menerima laporan kes penderaan?
 - (b) Adakah pengasuh kanak-kanak diwajibkan menghadiri kursus (melibatkan emosi dan *intelligence quotient* (IQ)) atau kursus khas penjagaan kanak-kanak? Sila huraikan.

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) apabila menerima laporan kes penderaan adalah seperti berikut:
- (i) JKM akan menjalankan siasatan serta merta tidak melebihi 10 jam selepas menerima aduan;
 - (ii) Bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, kanak-kanak tersebut akan diselamatkan dan pengambilan kanak-kanak akan dimaklumkan kepada ibu atau bapa atau penjaga. Kanak-kanak

Commented [1]: <!--<div class="row">-->

Commented [2]: START TABLE 1

Commented [3]: <!--<tr>
... <th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
... </tr-->

tersebut akan dibawa ke hospital dengan segera untuk mendapatkan rawatan dan pengesahan penderaan dari pegawai perubatan;

- (iii) Sekiranya penempatan semula kanak-kanak bersama keluarga tidak sesuai atau selamat maka kanak-kanak akan ditempatkan dibawah jagaan orang yang layak dan sesuai atau di rumah kanak-kanak; dan
- (iv) Sepanjang proses perlindungan dan pemeliharaan, kanak-kanak dan ahli keluarga akan diberi khidmat kaunseling.

Kerajaan Negeri juga telah menjalin usaha bersama dengan Women's Centre for Change (WCC) iaitu satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) di Seberang Perai. PPW terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada mangsa rogol, mangsa keganasan rumah tangga dan mangsa penderaan. Bantuan yang diberikan kepada mangsa yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Khidmat kaunseling kepada mangsa dan keluarga;
 - (ii) Sokongan kepada mangsa di One Stop Crisis Centre; dan
 - (iii) Membantu mangsa di dalam proses mahkamah.
- (b) Semua pangsuh, penyelia dan pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) perlu hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA) untuk memastikan TASKA dikendalikan secara *professional* dan selamat. Salah satu kriteria untuk mendaftarkan TASKA adalah hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA).

Sebelum mengeluarkan Perakuan Pendaftaran TASKA, JKM akan memastikan pengusaha TASKA mematuhi syarat dan peraturan di bawah Akta Taska 1984 dan peraturan Taska. Pemeriksaan berkala akan dilakukan oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) ke semua premis TASKA yang berdaftar bagi memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terjamin.

Sekiranya terdapat TASKA yang tidak patuh dan melanggar peraturan dan Akta Taska 1984, tindakan akan diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan JKM.

```
Commented [4]: <!--<table><tbody>
... <tr>
... <td width="30%" height="20" valign="top"
class="text-left">ID413/FARA</td>
... <td class="text-center" valign="top"
align="center"><div id="pageFooter"></div></td>
... </tr>
... </tbody>
...</table>-->
```